

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : KESIHATAN

## LARANGAN MEROKOK

# Kempen tumpu kawasan luar, pinggir bandar

➔ Usaha tingkat kesedaran patuhi peraturan di tempat makan awam

Oleh Shaarani Ismail  
shaarani@bh.com.my

✦ Ipoh

Pendidikan larangan merokok selama enam bulan lagi akan bertumpu kepada kawasan luar dan pinggir bandar.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye, berkata ia bagi membolehkan masyarakat di kawasan luar bandar diberikan pendidikan mengenai perintah larangan merokok di kawasan tempat makan tidak berhawa dingin.

Beliau berkata sejak peraturan itu dikuatkuasakan, sambutan larangan merokok di kawasan luar

bandar masih rendah.

"Sejak Kementerian mengumumkan perluasan kawasan larangan merokok, sambutan yang diterima daripada rakyat dan pengusaha restoran sangat bagus dan menggalakkan, walaupun ada sedikit kekurangan (penerimaan) khususnya kawasan kampung dan luar bandar."

### Tingkat penguatkuasaan

"Sebab itu kita perlu pertingkatkan usaha penguatkuasaan pendidikan khususnya di kawasan luar bandar, yang paling penting adalah memastikan peraturan larangan merokok di kawasan tempat makan bukan berhawa dingin



Dr Boon Chye (kiri) beramah mesra dengan penderma pada Kempen Derma Darah dan Hari Kesejahteraan Rakyat di Kampung Baru Gunung Rapat, Ipoh, semalam.

itu dipatuhi.

"Tujuan kerajaan melaksanakan (larangan merokok) bukanlah untuk mendenda dan menghukum sebaliknya adalah untuk mendidik supaya perokok dapat menggunakan peluang (tempoh masa) untuk berhenti merokok dan kalau boleh kurangkan merokok dan tidak merokok di kawasan orang ramai, di kawasan yang tidak dibenarkan dan di kawasan awam," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Kempen Derma Darah dan Hari Kesejahteraan Rakyat di Gelanggang Bola Keranjang Kampung Baru Gunung Rapat, di sini semalam.

Khamis lalu, Kementerian Kesihatan mengumumkan melanjutkan tempoh aktiviti penguatkuasaan pendidikan di tempat makan yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok selama enam bulan lagi hingga Disember ini.

### Ubah sikap, elak bahayakan orang lain

Tempoh mendidik sebelum menguatkuasakan larangan merokok di kedai makan dan restoran sebelum ini ditetapkan berakhir Julai ini selepas pewartaan tempat makan sebagai kawasan larangan merokok bermula pada 1 Januari lalu.

Beliau berkata, langkah itu ada-

lah bagi memastikan perokok dapat mengubah sikap untuk tidak membahayakan orang lain menerusi aktiviti mereka.

Katanya, walaupun tempoh pendidikan dilanjutkan, ia tidak bermakna perokok boleh bebas merokok di kawasan yang masih belum dikuatkuasa sewenang-wenangnya.

"Meskipun tempoh pendidikan penguatkuasaan masih diteruskan, pegawai Kementerian masih boleh mengambil tindakan menyaman terus perokok yang melakukan kesalahan jika mengabaikan amaran serta tidak mematuhi undang-undang ditetapkan," katanya.

## SYOR WAJIBKAN SUNTIKAN VAKSIN

# Cadangan dibentang kepada Kabinet 8 Mei

**Bangi:** Kertas cadangan untuk mewajibkan bayi dan kanak-kanak mendapat suntikan vaksin dijangka dibentangkan pada mesyuarat Jemaah Menteri, 8 Mei depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Kementerian sedang meneliti kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan imunisasi terhadap bayi dan kanak-kanak di negara ini, dengan mengambil kira sasaran umur yang sesuai serta jenis vaksin perlu diambil.

Beliau berkata, perkara itu sudah dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Kerja dan Kementerian bagi membolehkan cadangan berkenaan dilaksanakan secepat mungkin apabila diluluskan Kabinet nanti.

"Semua itu ada dalam kertas cadangan dan pelan kami yang bakal dibentangkan kepada Kabinet nanti, dan mewajibkan vaksin berkenaan adalah satu opsi."

"Apa yang penting ialah akhirnya dapat melindungi anak kita daripada jangkitan 12 penyakit

yang boleh membawa maut.

"Langkah itu dapat memastikan sekurang-kurangnya antara 90 hingga 95 peratus bayi dan kanak-kanak di Malaysia mendapat suntikan vaksin kerana majoriti mangsa yang meninggal dunia adalah kerana tidak memperoleh vaksinasi."

### Bahayakan nyawa

"Kegagalan berbuat demikian bukan hanya membahayakan nyawa anak terbahit tetapi juga individu lain, terutama bayi berusia kurang dua bulan yang tidak boleh diberi suntikan vaksin," katanya pada sidang media selepas merasmikan sambutan Hari Imunisasi Kebangsaan 2019 di Taman Tasik Cempaka, di sini, semalam.

Mac lalu, media melaporkan Dr Dzulkefly sebagai berkata, Kementerian perlu meminda undang-undang sebelum mewajibkan dua suntikan vaksin memabatkan difteria dan MMR untuk merawat demam campak, beguk serta rubella.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr



Apa yang penting ialah akhirnya dapat melindungi anak kita daripada jangkitan 12 penyakit yang boleh membawa maut"

Dr Dzulkefly Ahmad,  
Menteri Kesihatan

Dzulkefly berkata, kerajaan memperuntukkan hampir RM150 juta bagi pelaksanaan Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan setiap tahun.

Katanya, jumlah itu amat jimat jika dibandingkan dengan kos untuk merawat kes dijangkiti penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin berkenaan.

### Tanggung kos tinggi

Malah, beliau berkata, ibu bapa juga terpaksa menanggung kos, termasuk mengambil cuti untuk membawa anak mendapatkan rawatan sekiranya dijangkiti penyakit akibat tiada mengambil vaksin.

"Lebih malang lagi, ada kes jangkitan yang boleh dicegah dengan vaksin ini, juga berisiko membawa maut. Bukan mudah untuk menerima kematian akibat penyakit yang boleh dicegah dengan pemberian vaksin, terutama memabatkan bayi dan kanak-kanak," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, proses vaksinasi penting kerana jumlah kes jangkitan dan

kematian akibat jangkitan penyakit berbahaya, terus meningkat susulan tindakan segelintir ibu bapa enggan memberikan vaksin kepada anak mereka.

Tahun lalu, katanya, jumlah kes demam campak meningkat kepada 1,958 kes, termasuk enam kematian, berbanding 1,709 kes dan dua kematian pada 2017.

Selain itu, sebanyak 892 kes batuk kokol, termasuk 22 kematian dicatatkan tahun lalu, meningkat berbanding 353 kes dengan 13 kematian pada 2017.

Sebanyak 18 kes difteria, termasuk enam kematian pula dilaporkan tahun lalu, berbanding 32 kes dan tujuh kematian pada 2017.

"Lebih malang, majoriti bayi dan kanak-kanak meninggal dunia terbahit adalah kerana tidak mendapat suntikan vaksin. Ada juga kes dalam kalangan bayi belum layak menerima vaksin, iaitu di bawah umur dua bulan."

"Liputan vaksin yang tidak menyeluruh menjadi faktor utama menyumbang penularan penyakit berjangkit berkenaan," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : SETEMPAT

# Bentang usul 8 Mei

■ Cadangan mewajib ibu bapa beri suntikan imunisasi dibentang kepada Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan

BERNAMA

Bangi

Cadangan mewajibkan ibu bapa memberi suntikan imunisasi kepada anak-anak mereka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan 8 Mei depan untuk kelulusan, sebelum penelitian lanjut oleh kabinet.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pandangan pelbagai pihak turut diperolehi termasuk agensi kerajaan, swasta, badan bukan kera-

jaan (NGO) serta persatuan berkaitan dalam meneliti isu dan perkara yang perlu dimasukkan dalam kertas cadangan kebolehlaksanaan tindakan untuk mewajibkan suntikan imunisasi.

"Saya akan pengerusikan dan bincangkan (peringkat pasca kabinet) dahulu dan hasil daripada itu, kita akan bawa ke kabinet. Apa yang penting supaya kewajipan imunisasi adalah pilihan untuk memastikan anak-anak dilindungi dan mencapai imuniti kelompok sehingga 97 peratus penerimaan ibu bapa," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Imunisasi Pe-

ringkat Kebangsaan di Taman Tasik Cempaka di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim.

Media sebelum ini melaporkan mengenai penubuhan pasukan petugas khas bagi merealisasikan cadangan dan dasar mewajibkan suntikan imunisasi vaksin di negara ini akan dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), akhir bulan ini.

KKM, katanya, memperuntukkan RM150 juta setahun untuk Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan yang memanfaat-

kan hampir 500,000 bayi yang dilahirkan setiap tahun sehingga murid sekolah berumur 15 tahun.

Vaksin yang diberi memberi perlindungan terhadap 12 jenis jangkitan termasuk Tuberkulosis (TB), Hepatitis B, difteria, tetanus (kancing gigi), batuk kokol, polio, campak, beguk dan rubella. Bagi murid perempuan berumur 13 tahun, vaksin Human Papilloma Virus (HPV) diberi manakala di Sarawak, vaksin Japanese Encephalitis diberi.

Dr Dzulkefly meminta orang ramai tidak mempercayai maklumat tidak benar

**"Kewajipan imunisasi adalah pilihan untuk pastikan anak dilindungi"**  
Dr Dzulkefly



mengenai gerakan anti-vaksin yang aktif mengagjak masyarakat meragui keselamatan dan keberkesanan vaksin.

"Tahun lalu, ada 1,958 kes demam campak di seluruh

negara dengan enam kematian berbanding 1,709 kes (2 kematian) pada 2017. Sebanyak 892 kes Pertussis (batuk kokol) dicatatkan dengan 22 kematian pada 2018," katanya.

AKHBAR : KOSMO  
 MUKA SURAT : 6  
 RUANGAN : NEGARA

Kerajaan dalam proses kumpul pandangan pelbagai pihak

## Bincang wajib suntik vaksin

**K**AJANG – Cadangan mewajibkan ibu bapa memberi suntikan imunisasi kepada anak-anak mereka akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Perancangan Kementerian Kesihatan pada 8 Mei ini untuk kelulusan, sebelum penelitian lanjut Kabinet. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pandangan pelbagai pihak turut diperolehi, termasuk agensi



DZULKEFLY

kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) serta persatuan yang berkaitan dalam meneliti isu-isu dan perkara yang perlu dimasukkan dalam kertas cadangan untuk mewajibkan suntikan imunisasi itu.

“Saya akan pengurusan dan bincangkan (peringkat pasca Kabinet) dahulu dan hasil daripada itu, kita akan bawa ke Kabinet.

“Apa yang penting supaya kewajipan imunisasi adalah pilihan

untuk memastikan anak-anak dapat dilindungi dan mencapai imuniti kelompok sehingga 97 peratus penerimaan ibu bapa,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Imunisasi Peringkat Kebangsaan di Taman Tasik Cempaka di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr. Khalid Ibrahim.

Media sebelum ini melaporkan mengenai penubuhan pasukan petugas khas bagi merealisasikan cadangan dan dasar untuk

mewajibkan suntikan imunisasi vaksin di negara ini akan dikemukakan kepada Kementerian Kesihatan, akhir bulan ini.

Sementara itu, Dzulkefly berkata, kerajaan komited meneruskan Program Imunisasi Kanak-Kanak Kebangsaan, seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan pada pilihan raya umum lalu meskipun kerajaan perlu menanggung kos yang agak tinggi.

Menurutnya, kementerian memperuntukkan hampir RM150 juta setahun untuk program tersebut yang memanfaatkan hampir

500,000 bayi yang dilahirkan setiap tahun sehingga pelajar sekolah berumur 15 tahun.

Vaksin yang diberi boleh memberi perlindungan terhadap 12 jenis jangkitan, termasuk Tuberkulosis (TB), Hepatitis B, difteria, tetanus (kancing gigi), batuk kokol, polio, campak, beguk dan rubella.

Bagi murid perempuan berumur 13 tahun, vaksin Human Papilloma Virus (HPV) diberi manakala di Sarawak pula, vaksin Japanese Encephalitis turut diberi. – Bernama